

18/04/2001

Usaha pengaruhi pelajar cetus kekecohan gagal

KUALA LUMPUR, Selasa - Perhimpunan yang dirancang bagi membantah perasmian Universiti Islam Antarabangsa (UIA) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini gagal apabila tiada kumpulan atau individu yang didapati berkumpul di pintu masuk utama UIA.

Tinjauan Berita Harian sejak awal pagi di UIA mendapati, tiada perhimpunan seperti yang dirancangkan melalui risalah yang diedarkan kira-kira dua minggu sebelum perasmian.

Semua pelajar UIA dilihat bersama-sama menjayakan majlis perasmian itu dengan menyertai pelbagai program yang diatur sebelum ketibaan Perdana Menteri.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Massari Hashim, berkata keadaan di universiti itu terkawal dan tenang sejak semalam dan pagi tadi tiada perhimpunan seperti yang dirancang di pintu masuk utama UIA.

"Semuanya terkawal, malah kehadiran polis di universiti dialu-alukan oleh pelajar dengan sama bekerjasama menjayakan majlis perasmian ini," katanya, dekat sini hari ini.

Berita Harian semalam melaporkan amaran Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff bahawa polis akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba berhimpun bagi membantah perasmian UIA oleh Dr Mahathir.

Difahamkan, pengajur perhimpunan menjangka dapat menarik kira-kira 20,000 orang berkumpul di hadapan pintu masuk utama UIA bagi menghalang Perdana Menteri merasmikan universiti itu.

Massari berkata, polis sedar kewujudan pihak tertentu mengedarkan risalah itu dan langkah keselamatan sempena perasmian itu dipertingkatkan dengan menambah anggota yang berkawal.

"Kita mendapat bantuan daripada Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dan Pasukan Gerak Am (PGA) berjumlah kira-kira 100 orang, selain anggota polis daerah," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar dan pentadbiran UIA kerana sama-sama bekerjasama bagi mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diinginkan.

Sementara itu, beberapa pelajar ketika ditemui di majlis itu menyatakan rasa bersyukur kerana tiada sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku sempena perasmian bersejarah itu.

Nurul Syuhada Rahim, 21, berkata perhimpunan haram yang dirancang itu sebenarnya tidak mendapat sambutan daripada pelajar UIA dan ia boleh menjatuhkan imej universiti itu.

"Saya bersyukur kerana majlis ini berjalan lancar dan semua pelajar dapat menyaksikan detik bersejarah ini disempurnakan Perdana Menteri," katanya.

(END)